

PANDUAN TUNTUTAN ELAUN PAKAIAN PANAS

1. Elaun Pakaian Panas sebanyak **RM 1,500.00** adalah layak dituntut apabila dikehendaki bertugas di luar negeri di negara/kawasan beriklim sederhana/sejuk **setiap tiga tahun sekali**.
2. Bagi tujuan pembayaran elaun ini, negara/kawasan beriklim sederhana/sejuk bermakna, negara/kawasan yang terletak di utara Garisan Sarton (*Tropic of Cancer*) dan negara/kawasan yang terletak di selatan Garisan Jadi (*Tropic of Capricorn*). Senarai lengkap negara yang layak dan tidak layak menerima kemudahan elaun ini adalah seperti berikut:

NEGARA YANG LAYAK SEPENUHNYA:

Afrika Selatan, Amerika Syarikat, Austria, Bangladesh, Belgium, Canada, Denmark, Finland, German, Iran, Iraq, Ireland, Itali, Jepun, Jordan, Korea Selatan, Libya, Maghribi, Mesir, Netherland, New Zealand, Pakistan, Perancis, Rusia dan Ukraine, Sepanyol, Sweden, Switzerland, Syria, Turki, United Kingdom.

NEGARA YANG LAYAK SEBAHAGIANNYA:

Australia, China, India, Arab Saudi.

NEGARA YANG TIDAK LAYAK:

Indonesia, Brunei, Filipina, Singapura, Thailand, Taiwan, Hong Kong, Republik Of Yemen, Sudan, Sri Lanka.

3. Elaun ini hendaklah dituntut **sebelum pegawai pergi ke luar negeri atau selewat-lewatnya tiga bulan selepas pulang** dari luar negeri.
4. Pegawai yang membentangkan kertas kerja di luar negara yang menggunakan Tabung Persidangan Ke Luar Negara, Jabatan Penyelidikan dan Inovasi adalah **tidak layak dibayar** Elaun Pakaian Panas berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) bertarikh 6 Januari 2010.
5. Kelulusan elaun hendaklah dicatatkan di dalam Buku Rekod Perkhidmatan pegawai berkenaan.
6. Cara memohon:
 - 6.1. Isi permohonan Tuntutan Elaun Pakaian Panas melalui E-Community > Staff Management > Human Resource Management > Permohonan Pakaian Panas.
 - 6.2. Cetak borang permohonan (1 salinan sahaja). Dapatkan tandatangan dari Ketua Jabatan dan kemukakan bersama surat kebenaran keluar negara atau dokumen sokongan yang berkenaan.
 - 6.3. Hantar kepada Unit Perkhidmatan & Saraan, Jabatan Pendaftar.